

# → RASUAH

**KES SALAH GUNA KUASA AGIH PROJEK RM3.3 BILION DI SABAH**

[FOTO MOHD ADAM ARININ/BH]



**Azam (empat dari kiri) bersama pegawai SPRM** menunjukkan wang tunai dan barangan kemas yang dirampas pada sidang media Ops Water di Ibu Pejabat SPRM Sabah, Kota Kinabalu, semalam.

# 30 pegawai kira RM52.2j

BH  
6/10/16  
ms 4

➔ SPRM percaya sejumlah wang turut disimpan di negara jiran

Oleh Mohd Izham Unnip  
Abdullah dan  
Mohd Nazlie Zainul  
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

**1**5 jam! Itulah tempoh diambil pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mengira wang tunai RM52.2 juta yang dirampas daripada seorang pengarah dan timbalan pengarah sebuah jabatan kerajaan negeri yang ditahan berkaitan kes salah guna kuasa.

Proses pengiraan itu dilakukan oleh 30 pegawai SPRM secara manual terhadap wang tunai yang ditemui di pejabat, rumah, kenderaan dan peti simpanan deposit di bank milik semua suspek.

Selain kedua-dua suspek utama itu, turut ditahan seorang ahli perniagaan yang juga abang kepada timbalan pengarah bergelar Datuk berumur 55 tahun dan seorang akauntan berumur 51 tahun.

Rampasan wang tunai itu adalah

yang terbesar dalam sejarah 49 tahun agensi itu sejak dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).

## Sembilan kenderaan mewah

Yang turut dirampas sembilan kenderaan mewah pelbagai jenama seperti Range Rover, Audi, BMW, Ford Ranger, Mercedes Benz, Mazda, BMW, Lexus dan Volvo.

Barangan lain dirampas, termasuk 127 geran tanah milik seorang daripada mereka, 98 beg tangan berjenama mewah milik isteri semua suspek dan sejumlah jam tangan mewah serta barang kemas.

SPRM juga menyita wang dalam beberapa akaun bank milik pengarah dan timbalan serta keluarga mereka kira-kira RM23 juta.

Kira-kira RM37 juta lagi dalam akaun sebuah syarikat disyaki mempunyai kaitan dengan semua empat mereka. Ini menjadikan jumlah wang tunai dan dalam akaun disita kira-kira RM112 juta.

Agensi itu percaya sejumlah wang yang banyak turut disimpan

Fakta  
nombor

## RM37 JUTA

wang dalam akaun sebuah syarikat disita



## 98 BEG

tangan berjenama mewah milik isteri suspek dirampas



Perbuatan mereka ini bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah menutup periuk nasi puluhan kontraktor lain yang tidak diberi peluang memasuki tender jabatan itu”

## Azam Baki,

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi)

di negara jiran dan usaha untuk membawa balik wang berkenaan akan diambil secepat mungkin.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki, berkata wang tunai RM52.2 juta dirampas daripada pengarah dan timbalan pengarah, masing-masing berusia 54 dan 51 tahun, hasil siasatan serta intipan setahun.

Katanya, daripada RM52.2 juta itu, sebanyak RM45 juta dirampas daripada pengarah dan RM7.2 juta lagi daripada timbalannya.

“Jumlah itu tidak termasuk wang yang ada dalam akaun mereka dan akaun dua lagi individu yang ditahan bersama mereka,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya.

Sidang media itu mencuri tumpuan berikutan semua wang tunai RM52.2 juta itu dipamerkan dan bertimbun memenuhi meja, selain aset lain yang dirampas seperti jam tangan dan barangan kemas.

Difahamkan, nilai keseluruhan rampasan, termasuk dalam simpanan bank, tanah dan pelbagai barangan mewah boleh mencecah sehingga RM300 juta.

## Seleweng projek RM3.3 bilion

Azam berkata, kedua-dua suspek utama ditahan di pejabat masing-masing di sini, kelmarin, disyaki terbabit dalam penyelewengan mengendalikan projek infrastruktur asas bernilai lebih RM3.3 bilion sejak 2010.

Mereka disyaki terbabit dalam kegiatan rasuah dan salah guna kuasa iaitu menyeleweng projek dengan mengagihkan kepada saudara mara mereka.

Azam berkata, nilai rampasan wang tunai hasil operasi dikenali ‘Ops Water’ itu adalah lima kali ganda lebih besar berbanding nilai rampasan terbesar sebelum ini.

Beliau berkata, ahli perniagaan bergelar Datuk dan seorang akauntan ditahan kerana disyaki membantu mengurus wang diperoleh secara rasuah.



Untuk video  
layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)